

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA)—PETRONAS TELAH MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN SAIZ TIAP-TIAP BLOK ATAU KAWASAN YANG AKAN DI TAWARKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT MI NYAK. PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TAHUN LALU PETRONAS TELAH MENAWARKAN DUA KAWASAN, SATU SELUAS KIRA-KIRA 6,200 BATU PERSEGI DAN SATU LAGI SELUAS KIRA-KIRA 4,800 BATU PERSEGI DI LUAR PANTAI SARAWAK.

BELIAU MEMBERITAHU SEN. DATUK HAJI MOHD. NOR MOHAMMAD SEMASA SOAL-JAWAB DI DEWAN NEGARA HARI NI BAHAWA KAWASAN-KAWASAN ITU ADALAH LEBIH KECIL JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KAWASAN YANG DITAWARKAN DALAM TAHUN, 1976 DI BAWAH KONTRAK PENGELUARAN BERSAMA DI MANA SATU KAWASAM DI LUAR PANTAI SEMENANJUNG MALAYSIA YANG DIKONTRAKKAN KEPADA ESSO ADALAH SELUAS 13,300 BATU PERSEGI.

SATU LAGI KAWASAN DI LUAR PANTAI SARAWAK YANG DIKONTRAKKAN KEPADA SARAWAK SHELL ADALAH SELUAS 17,200 BATU PERSEGI.

PERDANA MENTERI BERKATA MENGURANGKAN SAIZ KAWASAN MENCARIGALI MI NYAK YANG DI TAWARKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT MI NYAK BOLEH MENGUNTUNGGAN TETAPI HENDAKLAH TERBATAS KEPADA SUATU HAD YANG TENTU.—BERSAMBUNG 1715/1 B

NEGARA-CARIGALI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA KAWASAN 1 TU DIKECILKAN SEHINGGA KURANG DARIPADA HAD ITU, ITIANYA AKAN MEMBERI PULANGAN YANG NEGATIF DARI SEGI MEMAJUKAN DENGAN CEPAT USAHA MENCARIGALI.

KATANYA SEMAKIN KECIL KAWASAN ITU, SEMAKIN BANYAK PERUNDINGAN AKAN DI ADAKAN DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG DITAWARKAN KONTRAK DAN PROSES ITU SELALUNYA MENGAMBIL MASA YANG PANJANG KERANA MELIBATKAN PELABURAN YANG BESAR.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SEN. DATUK ISMAIL HASHIM, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MASIH MENGAJI KEMUNGKINAN MENCARIGALI MI NYAK DI SELAT MELAKA.

BAGAIMANAPUN, BUAT MASA INI BELUM ADA PIHAK YANG BERMINAT UNTUK MENCARIGALI MINYAK DI SELAT ITU.

MENJAWAB SOALAN DARI SEN. ABDUL RAZAK HAJI ABU SAMAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PETRONAS MENJUAL MINYAK TANAH DAN DIESEL DI SELURUH MALAYSIA MELALUI 21 BUAH STESYEN +SKID TANK+ DAN J U G 4 SECARA TERUS KEPADA AGENSI-AGENSI KERAJAAN, KILANG-KILANG DAN SYARIKAT-SYARIKAT PENGANGKUTAN.

DARI JANUARI HINGGA OKTOBER TAHUN INI SE-BANAK 28,660 KILOLITER MINYAK TANAH DAN 198,710 KILOLITER MINYAK DIESEL TELAH DIJUAL.—BERSAMBUNG 1730/1B

1580
 NEGARA-CARIGALI-3 KUALA LUMPUR

KATANYA PETRONAS MENGAWAL PENJUALAN DIESELNYA MENGIKUT HAD YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KERAJAAN MULAI 1 JAN. 1980 IAITU 22 LITER (114 LITER) UNTUK SEMUA JENIS LORI, BAS, VAN DAN LAIN-LAIN BERBERAT DAN LAPAN GELEN (36 LITER) ATAU KIRA-KIRA \$16.00 PER LITER TEKSI, KERETA DAN BELIAN-BELIAN DALAM TONG.

SEBAGAI SEBABNYA, PENJUALAN PERLU DI BUAT MENGIKUT HAD-HAD INI SEBAGAI KEPATIBASAN DASAR MEMELIHARA PENGELUARAN MINYAK NEGARA DAN SUPPLY TIDAK MEMBAZIRKAN PENGGUNAAN TENAGA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PETRONAS TIDAK MENJUAL MINYAK TANAH KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT MI NYAK MANA NEGERI DI MALAYSIA.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SEN. DATUK ISMAIL HASHIM, BELIAU BERKATA PENJUALAN MEMPROSES MINYAK AKAN DIDIRIKAN DI MELAKA TIDAK LAMA.—BERSAMBUNG 1735/1B